



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 6 TAHUN 1994

**IMBUHAN TETAP PERUMAHAN
POLIS DIRAJA MALAYSIA BAGI PEGAWAI-PEGAWAI
PENOLONG KANAN PESURUHJAYA POLIS I DAN KE BAWAH**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kadar baru Imbuan Tetap Perumahan untuk Pegawai-pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) berpangkat Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis I dan ke bawah.

LIPUTAN

2. Anggota Polis Tambahan dan Senoi Prak dengan pangkat yang setaraf adalah juga diliputi oleh Pekeliling ini.

KADAR IMBUHAN

3. Kerajaan telah menyemak semula dan meluluskan Kadar Imbuan Tetap Perumahan untuk anggota PDRM seperti berikut:

(a) Semenanjung

Pangkat	Kadar Sekarang Sebulan	Kadar Baru Sebulan
	RM	RM
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis I	650	900
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis II	500	900
Penolong Pesuruhjaya	450	700
Penguasa	400	575
Timbalan Penguasa	370	500
Penolong Penguasa	350	450
Ketua Inspektor	310	420
Inspektor	260	420
Sub-Inspektor	138	300
Sarjan Mejar	138	300
Sarjan	138	275
Koperal	138	230
Lans Koperal	85	230
Konstabel	85	230

(b) Sabah dan Labuan

Pangkat	Kadar Sekarang Sebulan	Kadar Baru Sebulan
	RM	RM
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis I	650	900
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis II	500	900
Penolong Pesuruhjaya	450	800
Penguasa	400	700
Timbalan Penguasa	370	700
Penolong Penguasa	350	600
Ketua Inspektor	310	580
Inspektor	260	580
Sub-Inspektor	200	480
Sarjan Mejar	200	480
Sarjan	200	435
Koperal	200	335
Lans Koperal	124	335
Konstabel	124	335

(c) Sarawak

Pangkat	Kadar Sekarang Sebulan	Kadar Baru Sebulan
	RM	RM
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis I	650	900
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis II	500	900
Penolong Pesuruhjaya	450	700
Penguasa	400	575
Timbalan Penguasa	370	500
Penolong Penguasa	350	475
Ketua Inspektor	310	450
Inspektor	260	450
Sub-Inspektor	150	360
Sarjan Mejar	150	360
Sarjan	150	330
Koperal	150	250
Lans Koperal	92	250
Konstabel	92	250

SYARAT-SYARAT KHAS

4. Kaedah bayaran Imbuan Tetap Perumahan di atas adalah seperti berikut:
 - 4.1 Imbuan Tetap Perumahan adalah dibayar kepada anggota PDRM yang tidak menduduki Rumah Kerajaan;
 - 4.2 Anggota PDRM yang menduduki Rumah Kerajaan tidak dikenakan apa-apa bayaran sewa dan tidak layak dibayar Imbuan Tetap Perumahan;
 - 4.3 Bagi suami dan isteri yang kedua-duanya berkhidmat dalam Perkhidmatan PDRM dan menduduki Rumah Kerajaan, Imbuan Tetap Perumahan tidak dibayar kepada anggota yang diperuntukkan rumah berkenaan;
 - 4.4 Anggota yang mengikuti kursus bergaji penuh tanpa biasiswa adalah layak dibayar Imbuan Tetap Perumahan;
 - 4.5 Anggota yang mengikuti kursus bergaji penuh dengan biasiswa boleh memilih untuk menerima Imbuan Tetap Perumahan atau unsur bantuan sewa rumah yang diberi bersama biasiswanya;
 - 4.6 Anggota yang mengikuti kursus dengan bercuti separuh gaji adalah layak mendapat separuh kadar Imbuan Tetap Perumahan bagi tempoh jangkamasa kursus tersebut; dan
 - 4.7 Anggota yang bercuti tanpa gaji adalah tidak layak dibayar Imbuan Tetap Perumahan.
5. Anggota yang menduduki Rumah Kerajaan selain daripada Rumah Khas Jawatan atau Rumah Khas Jabatan, yang telah diberi bantuan pinjaman perumahan Kerajaan untuk mendirikan rumah atau membelinya dalam lingkungan 33 kilometer daripada pejabatnya, boleh dipertimbangkan untuk menduduki rumah yang didirikan atau dibeli dengan pinjaman perumahan itu dan layak dibayar Imbuan Tetap Perumahan.
6. Kaedah pembayaran Imbuan Tetap Perumahan ini adalah tertakluk kepada peraturan Ketua Polis Negara yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

HAD KADAR SEWA RUMAH

7. Dengan pelaksanaan Pekeliling ini anggota PDRM yang tertakluk kepada Pekeliling ini dan sedang menikmati Had Kadar Sewa Rumah mengikut peraturan pertukaran wilayah di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987 adalah dibenarkan terus menikmati kemudahan tersebut sehingga berlakunya salah satu daripada keadaan berikut:

- 7.1 Anggota berkenaan memilih untuk menamatkan perjanjian sewa rumah; atau
- 7.2 Bertukar rumah dalam stesen yang sama; atau
- 7.3 Bertukar stesen yang memerlukan perpindahan ke rumah lain; atau
- 7.4 Apabila anggota bertukar wilayah; atau
- 7.5 Sehingga 30 September 1995.

8. Stesen yang dimaksudkan di perenggan 7 di atas ialah satu kawasan Balai Polis yang ditentukan dari semasa ke semasa.

TARIKH KUATKUASA

9. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh 1 Oktober 1994.

PINDAAN DAN PEMBATALAN


10. Dengan berkuatkuasanya pekeliing ini, pindaan dibuat ke atas perenggan-perenggan di dalam pekeliing-pekeliing dan pembatalan surat-surat berikut:

- 10.1 Pindaan ke atas:
 - (a) Perenggan 49, 50, dan 51, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1980; dan
 - (b) Perenggan 4, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1988.

10.2 Pembatalan ke atas:

- (a) Surat Jabatan Perkhidmatan Awam bil. JPA(S)63/57/1(69) bertarikh 12 Disember 1989; dan
- (b) Surat Kementerian Kewangan bil. KK/BP(11.10)617/23-2/(169) bertarikh 22 Januari 1991.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia,
Kuala Lumpur.

16 November 1994

Ketua Setiausaha,
Kementerian Dalam Negeri.

s.k.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Luar Negeri.

JADUAL I

JAWATAN-JAWATAN KEHAKIMAN YANG DIPERUNTUKKAN PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN) GRED N5

1. Ketua Hakim Negara;
2. Presiden Mahkamah Rayuan;
3. Hakim Besar Malaya;
4. Hakim Besar Sabah dan Sarawak;
5. Hakim Mahkamah Persekutuan;
6. Hakim Mahkamah Rayuan;
7. Hakim Mahkamah Tinggi; dan
8. Pesuruhjaya Kehakiman.

LAMPIRAN A

SENARAI PEKELILING/SURAT-SURAT PEKELILING/ SURAT-SURAT EDARAN YANG DIBATALKAN SEPENUHNYA ATAU DIPINDA SEBAHAGIAN DARIPADANYA

1. PEMBATALAN

- (a) Surat JPA.SULIT.313/Bhg.90/71 bertarikh 3 April 1973;
- (b) Surat JPA.SULIT.313/90/Jld.II/28 bertarikh 29 Oktober 1974;
- (c) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1980 bertarikh 4 September 1980;
- (d) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1988 bertarikh 24 Mei 1988;
- (e) Surat JPA.SULIT.324/8/25 Klt.5/(13) bertarikh 26 Mei 1988; dan
- (f) Surat JPA.25634/BHG.249/1/Jld. 4/(14) bertarikh 9 Julai 1990.

2. PINDAAN

- (a) Perenggan 3, surat JPA.SULIT.MBG-4280/D-12/(10) bertarikh 25 Ogos 1976;
- (b) Perenggan 7, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1982 bertarikh 8 Mac 1982; dan
- (c) Perenggan B (12), LAMPIRAN D6 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991.